

KESEJAHTERAAN WARGA EMAS SEBAGAI STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI NEGERI PERLIS

Rabeatul Husna Abdull Rahman*

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis

**rabeatulhusna@uitm.edu.my*

ABSTRAK

Peningkatan populasi warga emas merupakan antara cabaran utama yang bakal mempengaruhi pembangunan sosioekonomi Malaysia, termasuk Negeri Perlis yang dijangka mencapai status masyarakat menua menjelang tahun 2030. Perubahan demografi ini menuntut pendekatan yang lebih holistik bagi memastikan warga emas dapat menjalani kehidupan yang sihat, aktif, produktif dan bermakna. Artikel ini bertujuan membincangkan kesejahteraan warga emas sebagai strategi pembangunan sosioekonomi Negeri Perlis dengan memberi tumpuan kepada lima dimensi utama dalam Pelan Tindakan Warga Emas Negara, iaitu penuaan positif, penuaan sihat, penuaan aktif, penuaan produktif dan penuaan menyokong. Artikel ini menggunakan pendekatan konseptual melalui analisis literatur dan dokumen dasar bagi mencadangkan Kerangka Strategik Kesejahteraan Warga Emas Negeri Perlis. Kerangka yang dicadangkan merangkumi lima strategi utama, iaitu memperkukuh ekosistem kesejahteraan warga emas, membangunkan persekitaran mesra warga emas, memperkasa penyertaan ekonomi warga emas, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat dan keterangkuman digital, serta memperkukuh tadbir urus berasaskan bukti. Kerangka ini menterjemahkan aspirasi dasar nasional kepada strategi yang lebih kontekstual dan praktikal di peringkat negeri serta diharapkan dapat menjadi panduan kepada kerajaan negeri dan pihak berkepentingan dalam merancang dasar dan program yang lebih bersepadu bagi memperkukuh kesejahteraan warga emas serta menyokong pembangunan sosioekonomi Negeri Perlis.

Kata Kunci: Warga Emas, Kesejahteraan Warga Emas, Penuaan Aktif, Penuaan Produktif, Penuaan Menyokong, Penuaan Positif, Penuaan Sihat.

PENGENALAN

Menjelang tahun 2030, dianggarkan seorang daripada setiap enam penduduk dunia berumur 60 tahun dan ke atas (WHO, 2024). Menurut United Nations (2023), negara Eropah, Amerika Utara, Australia, New Zealand serta sebahagian wilayah Asia Timur dan Asia Tenggara sedang mengalami tahap penuaan penduduk yang pesat berbanding negara di Asia Tengah, Asia Selatan, Asia Barat, dan Afrika Utara. Di Malaysia, status negara menua telah dicapai pada tahun 2021 dan diunjurkan beralih kepada negara tua menjelang tahun 2036 apabila 15% penduduk berumur 60 tahun dan lebih (DOSM, 2025). Selari dengan trend nasional, Negeri Perlis turut berdepan proses penuaan penduduk yang semakin ketara menjelang tahun 2030. Menurut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas dijangka meningkat kepada 9.5%, sekali gus meletakkan Perlis dalam kategori masyarakat menua (*ageing society*). Walaupun jumlah penduduk Perlis diunjurkan meningkat kepada 317,700, perubahan komposisi umur menunjukkan cabaran yang semakin ketara. Peratusan penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15–64 tahun) dijangka menurun kepada 71.0%, manakala peratusan penduduk muda berumur 0–14 tahun dijangka berkurang kepada 19.5%. Trend ini dijangka meningkatkan nisbah tanggungan warga emas,

mengecilkan saiz tenaga kerja, serta memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan sosial, sekali gus meningkatkan keperluan terhadap dasar dan strategi yang menyokong kesejahteraan, penuaan aktif dan penuaan produktif warga emas di Negeri Perlis.

Di antara faktor yang menyumbang kepada fenomena global ini ialah peningkatan jangka hayat penduduk dunia yang disokong oleh kemajuan dalam sistem kesihatan yang telah mengurangkan kadar kematian dalam kalangan warga emas. Selain itu, faktor seperti proses pembandaran, peningkatan tahap pendidikan dan akses yang lebih baik kepada perancangan keluarga telah menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran. Kombinasi kedua-dua faktor ini telah mengubah struktur umur penduduk dan mempercepatkan proses penuaan sesebuah negara (WHO, 2025). Menurut Abdul Salam *et al.* (2022), peningkatan bilangan warga emas di Malaysia berkait rapat dengan pertambahan jangka hayat penduduk yang didorong oleh penyediaan kemudahan perubatan yang lebih baik, peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pemakanan dan penjagaan kesihatan, perkembangan teknologi perubatan serta kaedah rawatan yang semakin berkesan.

Perubahan demografi ini dijangka memberi kesan besar terhadap aspek sosioekonomi negara yang menuntut persediaan jangka panjang bagi memastikan kesejahteraan rakyat pada usia tua. Peningkatan warga emas secara tidak langsung meningkatkan perbelanjaan penjagaan kesihatan, di samping penyusutan pendapatan cukai berikutan pengurangan bilangan penduduk dalam usia bekerja yang menyumbang kepada ekonomi negara (United Nations, 2023). Dalam konteks Malaysia, warga emas dijangka berhadapan dengan pelbagai isu seperti simpanan persaraan yang tidak mencukupi, peningkatan risiko kemiskinan serta pengabaian oleh ahli keluarga (Ramely, Ahmad, & Harith, 2022). Selain itu, warga emas turut berdepan dengan cabaran lain seperti keterbatasan peluang pendidikan dan kekurangan interaksi sosial yang turut memberi kesan kepada keupayaan warga emas untuk menjalani kehidupan yang berkualiti (Awang *et al.*, 2025).

Oleh itu, pelbagai pelan dan strategi telah dibangunkan oleh agensi kerajaan bagi menyokong kesejahteraan warga emas di Malaysia. Sebagai contoh, Dasar Warga Tua Negara telah diperkenalkan pada tahun 1995 yang kemudiannya ditambah baik pada tahun 2011 dan dijenamakan semula sebagai Dasar Warga Emas Negara. Matlamat dasar ini ialah bagi memperkasa individu, institusi keluarga dan masyarakat melalui penyediaan sokongan dan persekitaran yang mesra warga emas (Abdullah *et al.*, 2024). Selaras dengan pelaksanaan dasar tersebut, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah diwujudkan dengan kerjasama strategik pelbagai agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan. Pusat ini menjadi platform untuk warga emas menjalankan aktiviti bersama komuniti bagi mengurangkan risiko kemurungan dalam kalangan warga emas. Selain itu, Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026-2030 telah dilancarkan pada tahun 2025 bagi memperkukuh kesejahteraan, kebajikan dan keperluan warga emas sebagai persediaan menghadapi status negara tua. Malaysia turut menetapkan 1 Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan sejak tahun 1992 bagi menghargai sumbangan, pengalaman, dan pengetahuan warga emas kepada masyarakat dan negara.

Walaupun pelbagai dasar, pelan dan strategi telah diperkenalkan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas, penglibatan aktif semua pihak berkepentingan termasuklah warga emas akan dapat memastikan dasar dan program yang dirangka memenuhi keperluan warga emas secara menyeluruh. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan konsep kesejahteraan warga emas sebagai strategi pembangunan sosioekonomi dengan memberikan tumpuan kepada lima dimensi utama Pelan Tindakan Warga Emas Negara. Artikel ini turut mengemukakan beberapa cadangan bagi memperkukuh kesejahteraan warga emas di Negeri Perlis. Kelima-lima dimensi tersebut membentuk satu kerangka holistik yang merangkumi penuaan positif, penuaan sihat, penuaan aktif, penuaan produktif dan penuaan menyokong.

DIMENSI KESEJAHTERAAN WARGA EMAS

Kesejahteraan warga emas merangkumi lima dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif), dan persekitaran (penuaan menyokong).

Penuaan Sihat

Menurut WHO (2015), penuaan sihat merupakan proses membangunkan dan mengekalkan keupayaan berfungsi yang membolehkan seseorang menikmati kesejahteraan pada usia lanjut. Selaras dengan konsep tersebut, WHO turut menggunakan indikator Healthy Life Expectancy (HALE) iaitu purata bilangan tahun yang dijangka dapat dilalui oleh seseorang individu dalam keadaan kesihatan yang baik tanpa dibatasi oleh penyakit, kecederaan, atau ketidakupayaan (WHO, 2025). HALE bukan sahaja mengukur tempoh seseorang hidup, tetapi juga menilai sejauh mana tempoh kehidupan tersebut dilalui dalam keadaan sihat dan berfungsi secara optimum. Walaupun jangka hayat penduduk semakin meningkat, peningkatan tersebut tidak semestinya disertai dengan pertambahan tahun hidup yang sihat. WHO (2025) melaporkan bahawa bagi penduduk berumur 60 tahun ke atas di rantau Asia Tenggara, jangka hayat keseluruhan dianggarkan sebanyak 19.1 tahun, namun jangka hayat sihat hanyalah 13.7 tahun. Ini bermakna, warga emas dijangka menghabiskan sekitar 5.4 tahun atau hampir 28.3% daripada baki hayat mereka dalam keadaan kesihatan yang kurang baik dan berkemungkinan memerlukan penjagaan. Oleh itu, matlamat penuaan sihat bukan sekadar memanjangkan jangka hayat, tetapi meningkatkan tempoh kehidupan yang dilalui dalam keadaan sihat, berdikari, dan berkualiti.

Menurut Menassa *et al.* (2023), penuaan sihat ialah konsep multidimensi yang dipengaruhi oleh faktor kognitif, fizikal, psikologi, sosial, persekitaran, politik, budaya, ekonomi, demografi, dan kerohanian. Kajian oleh Abud *et al.* (2022) menunjukkan bahawa pencapaian penuaan sihat dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkaitan, termasuk amalan gaya hidup sihat seperti aktiviti fizikal dan pemakanan seimbang, kesedaran sendiri serta sikap positif terhadap kehidupan. Selain itu, faktor seperti pembelajaran sepanjang hayat, pegangan agama, sokongan sosial, keselamatan kewangan, penglibatan dalam komuniti dan keupayaan untuk berdikari turut dikenal pasti sebagai penentu penting dalam mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan warga emas. Dapatan ini menunjukkan bahawa penuaan sihat memerlukan pendekatan yang menyeluruh dengan mengambil kira faktor individu, keluarga, dan persekitaran sosial. Selaras dengan konsep tersebut, dimensi penuaan sihat dalam Pelan Tindakan Warga Emas Negara memberi penekanan kepada amalan gaya hidup sihat serta usaha memperkukuh kesejahteraan fizikal serta mental warga emas (KPWKM, 2026). Antara program yang boleh dilaksanakan termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala, ceramah kesihatan, promosi gaya hidup sihat, serta program terapi pemulihan seperti aktiviti berkebun, termasuk penanaman sayur-sayuran dan herba (JKM, 2026).

Penuaan Positif

Menurut Malone & Dadswell (2018), penuaan positif merujuk kepada keupayaan warga emas menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan dengan proses penuaan melalui pendekatan dan penyesuaian yang membolehkan mereka menjalani kehidupan secara lebih positif. KPWKM (2026) mendefinisikan penuaan positif sebagai pegangan agama, kepercayaan, dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas, di samping membentuk sikap dan pandangan positif terhadap penuaan. Bagi kebanyakan warga emas, aspek agama, kerohanian, dan kepercayaan merupakan elemen penting yang memberikan panduan, makna, dan kefahaman dalam kehidupan seharian, selain menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan (Rote *et al.*, 2012; Manning, 2013). Agama, kerohanian dan kepercayaan turut berfungsi sebagai kerangka yang membantu warga emas mentafsir, memahami, menilai dan memberi makna kepada pengalaman hidup.

Ketiga-tiga elemen ini juga membentuk tujuan hidup serta menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi cabaran kehidupan pada usia lanjut (Park, 2007).

Kajian menunjukkan bahawa apabila kesihatan fizikal semakin merosot dan individu semakin berhadapan dengan realiti kematian serta penghujung kehidupan, kepentingan agama dan kerohanian dalam kehidupan mereka cenderung meningkat (Balboni *et al.*, 2007). Selain itu, agama dan kerohanian turut memainkan peranan penting dalam menyokong kesejahteraan psikologi warga emas. Penghayatan agama dan amalan kerohanian bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan, perasaan tidak berdaya dan kehilangan kawalan diri akibat kemerosotan kesihatan, malah dapat mengurangkan kesunyian serta meningkatkan ketenangan emosi. Di samping itu, sikap positif terhadap kehidupan, keupayaan menghadapi cabaran, kebebasan untuk berdikari, hubungan sosial yang bermakna serta hubungan yang erat dengan Tuhan dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada penuaan yang berjaya (Crowther *et al.*, 2007; Sadler & Biggs, 2006; Troutman-Jordan & Staples, 2014). Oleh itu, dimensi penuaan positif dapat diperkukuh melalui pelaksanaan program keagamaan dan kerohanian seperti ceramah agama, kelas al-Quran dan tahsin, dan program pembelajaran sepanjang hayat seperti kelas celik teknologi maklumat (IT) serta latihan kemahiran dan vokasional yang bersesuaian (JKM, 2026).

Penuaan Aktif

Menurut Awang *et al.* (2025), konsep penuaan aktif merupakan pendekatan yang bertujuan mengoptimalkan peluang warga emas dalam aspek kesihatan, penyertaan, dan keselamatan. Pendekatan ini membolehkan warga emas menjalani kehidupan yang berkualiti serta terus menyumbang kepada keluarga, komuniti dan masyarakat (KPWK, 2026), serta melakukan sebarang aktiviti sama ada secara sendirian, bersama ahli keluarga atau masyarakat untuk kesejahteraan hidup mereka (KKM, 2016). Warga emas aktif pula merujuk kepada individu yang masih berupaya mengekalkan fungsi fizikal, mental, dan sosial walaupun telah mencapai usia lanjut, di samping terus terlibat dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat (Boulton-Lewis *et al.*, 2006).

Dari perspektif literatur, kualiti hidup warga emas berkait rapat dengan tahap pencapaian komponen penuaan aktif, khususnya dalam aspek kesihatan, penyertaan dan keselamatan. Edwards (2002) menjelaskan bahawa kualiti hidup dalam kalangan warga emas dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti persekitaran fizikal, perkhidmatan kesihatan dan sosial, persekitaran sosial, faktor ekonomi, peribadi, dan tingkah laku. Menurut Marzo *et al.* (2023) warga emas yang mempunyai tahap penuaan aktif yang lebih baik cenderung menunjukkan kualiti hidup yang lebih tinggi. Oleh itu, usaha memperkukuh faktor penentu dan indikator penuaan aktif amat penting bagi menyokong kesejahteraan warga emas secara menyeluruh. Antara aktiviti yang boleh menggalakkan penyertaan aktif warga emas termasuk program rekreasi seperti kelas tarian, nyanyian, karaoke, permainan alat muzik, senam, sukaneka, yoga, refleksologi dan pelbagai aktiviti riadah yang lain (JKM, 2026). Penyertaan dalam aktiviti tersebut dapat membantu warga emas membina jaringan hubungan sosial yang positif, mengekalkan hubungan dengan komuniti, meningkatkan rasa dihargai, memperkukuh kesejahteraan emosi serta mengurangkan perasaan terasing (Aidanajwa, 2023).

Penuaan Produktif

Selaras dengan konsep penuaan produktif, ekonomi perak (*silver economy*) atau ekonomi umur panjang (*longevity economy*) semakin mendapat perhatian sebagai pendekatan untuk memanfaatkan potensi warga emas dalam pembangunan ekonomi. Konsep ini merujuk kepada keseluruhan aktiviti ekonomi yang memenuhi keperluan golongan warga emas, di samping mengiktiraf sumbangan mereka sebagai pekerja, usahawan, pengguna, pembimbing dan sukarelawan (ITU, 2021; Periasamy, 2026). Penuaan produktif merupakan strategi penting bagi memastikan warga emas terus berperanan sebagai penyumbang aktif

kepada keluarga, komuniti dan ekonomi (Dommaraju & Wong, 2021). Konsep ini tidak terhad kepada pekerjaan berpendapatan semata-mata, malah turut merangkumi keusahawanan, aktiviti kesukarelawanan, perkongsian pengetahuan dan sumbangan sosial yang dapat memberikan makna dan kepuasan hidup kepada warga emas (KPWKM, 2026). Menurut Morrow-Howell *et al.* (2002), ramai warga emas terus kekal produktif dari segi ekonomi melalui pelbagai bentuk penglibatan, sama ada sebagai pekerja sepenuh masa, pekerja sambilan, usahawan yang bekerja sendiri serta sukarelawan dalam pelbagai organisasi. Penglibatan berterusan dalam aktiviti produktif dapat membantu memperlancarkan kemerosotan keupayaan fungsi yang berlaku akibat proses penuaan (Dommaraju & Wong, 2021). Selain itu, kajian Morgan & Elder (2025) dan Kim *et al.* (2020) mendapati warga emas yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan menunjukkan tahap kualiti hidup yang dirasakan lebih baik berbanding mereka yang tidak menjadi sukarelawan, termasuk dari aspek kesihatan mental dan penanda kesihatan fizikal. Warga emas yang menjadi sukarelawan juga hampir sentiasa melaporkan prestasi kognitif yang lebih baik, tahap kebahagiaan yang lebih tinggi, serta pengurangan gejala negatif yang berkaitan dengan kesunyian dan kemurungan. Bagi menyokong penuaan produktif, pelbagai program boleh dilaksanakan untuk memperkukuh penyertaan warga emas dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Antaranya termasuk latihan pemerkasaan ekonomi seperti penghasilan produk kraf, jahitan, makanan sejuk beku, dan produk perusahaan kecil. Selain itu, warga emas juga boleh diberi peluang untuk menyumbangkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sebagai pembimbing, sukarelawan atau tenaga pengajar kepada warga emas lain serta komuniti setempat (JKM, 2026). Pendekatan ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan, malah mengiktiraf pengalaman warga emas sebagai aset penting dalam pembangunan masyarakat. Dalam konteks pekerjaan, penyertaan warga emas perlu disokong melalui persekitaran kerja yang lebih fleksibel, peluang pembelajaran sepanjang hayat dan latihan kemahiran digital, di samping menghapuskan diskriminasi berasaskan umur. Laporan GAP (2020) turut menekankan kepentingan program mentor antara generasi serta sokongan organisasi yang inklusif bagi membolehkan pengalaman dan kepakaran warga emas dimanfaatkan secara berkesan. Penuaan produktif merupakan strategi penting bagi memastikan warga emas terus berperanan sebagai penyumbang aktif kepada keluarga, komuniti dan ekonomi.

Penuaan Menyokong

Penuaan menyokong merujuk kepada penyediaan persekitaran yang membolehkan warga emas menjalani kehidupan secara selamat, berdikari dan bermakna. Menurut kerangka WHO (2023), persekitaran merangkumi semua faktor luaran yang membentuk konteks kehidupan seseorang, termasuk rumah, komuniti dan masyarakat secara keseluruhan. Faktor-faktor tersebut meliputi persekitaran fizikal, hubungan sosial, nilai dan sikap masyarakat, dasar kesihatan dan sosial, serta sistem dan perkhidmatan sokongan. Salah satu pendekatan utama bagi merealisasikan penuaan menyokong ialah melalui pembangunan Bandar Mesra Usia (*Age-friendly City*). Menurut Hassan (2024), Bandar Mesra Usia merupakan konsep perancangan bandar yang menyediakan persekitaran yang inklusif untuk semua golongan umur, khususnya warga emas. Lapan domain utama Bandar Mesra Usia ialah ruang awam dan bangunan, pengangkutan, perumahan, penyertaan sosial, saling menghormati dan keterangkuman sosial, penyertaan sivik dan peluang pekerjaan, komunikasi dan maklumat, serta sokongan komuniti dan perkhidmatan kesihatan (WHO, 2023).

Selain penyediaan persekitaran fizikal yang kondusif, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) turut menjadi pemangkin kepada penuaan menyokong. ICT membolehkan warga emas berhubung dengan keluarga dan komuniti, mengakses pelbagai perkhidmatan, pembelajaran serta hiburan secara dalam talian tanpa batasan lokasi. Di samping itu, penggunaan teknologi yang disesuaikan dengan keperluan warga emas dapat membantu mereka hidup dengan lebih berdikari, meningkatkan kualiti hidup serta memudahkan urusan harian (ITU, 2021). Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan penuaan menyokong turut merangkumi penggunaan teknologi, pengukuhan jaringan komuniti, pelaksanaan program

kesukarelawan serta penyediaan sistem sokongan yang membolehkan warga emas terus menyertai aktiviti sosial secara aktif dan hidup secara berdikari. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan warga emas, malah mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan mesra usia bagi menyokong proses penuaan yang berkualiti (JKM, 2026).

Secara keseluruhannya, lima dimensi kesejahteraan warga emas yang digariskan dalam Pelan Tindakan Warga Emas Negara mencerminkan pendekatan yang holistik dalam memenuhi keperluan warga emas daripada aspek fizikal, mental, sosial, ekonomi, kerohanian dan persekitaran. Kelima-lima dimensi ini saling melengkapi bagi memastikan warga emas dapat menjalani kehidupan yang sihat, aktif, produktif, bermakna dan berdikari, sekali gus menyokong pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan mampan.

KERANGKA STRATEGIK KESEJAHTERAAN WARGA EMAS NEGERI PERLIS

Berdasarkan perbincangan lima dimensi kesejahteraan warga emas, artikel ini mencadangkan Kerangka Strategik Kesejahteraan Warga Emas Negeri Perlis sebagai panduan untuk memperkukuh kesejahteraan warga emas serta menyokong pembangunan sosioekonomi negeri. Walaupun kelima-lima dimensi tersebut telah digariskan dalam Pelan Tindakan Warga Emas Negara, pelaksanaannya di peringkat negeri memerlukan strategi yang lebih kontekstual mengikut keperluan dan cabaran Negeri Perlis. Strategi yang dicadangkan menekankan pendekatan yang holistik dan saling melengkapi merangkumi aspek ekosistem sokongan, persekitaran mesra warga emas, penyertaan ekonomi, pembelajaran sepanjang hayat serta tadbir urus berasaskan bukti. Kelima-lima dimensi tersebut saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sebagai contoh, tahap kesihatan yang baik meningkatkan keupayaan warga emas untuk terus aktif dan produktif, manakala persekitaran yang menyokong memudahkan penyertaan sosial serta pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, kesejahteraan warga emas perlu dilihat sebagai satu sistem yang saling melengkapi dan bukannya sebagai dimensi yang berasingan.



Gambar rajah 11.1. Kerangka Strategik Kesejahteraan Warga Emas Negeri Perlis.

Gambar rajah 11.1 menunjukkan lima strategi utama yang saling melengkapi dalam memperkukuh kesejahteraan warga emas di Negeri Perlis. Strategi pertama memberi penekanan kepada pengukuhan ekosistem melalui kerjasama strategik antara kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan komuniti. Pengukuhan peranan PAWE, program kesukarelawanan serta aktiviti antara generasi mampu meningkatkan sokongan sosial dan memperkukuh penyertaan warga emas dalam komuniti. Strategi kedua menumpukan kepada pembangunan persekitaran yang lebih mesra warga emas dan mudah diakses dengan menambah baik infrastruktur, kemudahan awam, sistem pengangkutan dan pusat aktiviti yang lebih mudah diakses. Persekitaran fizikal dan sosial yang selamat, inklusif dan kondusif akan menggalakkan penuaan aktif serta meningkatkan mobiliti dan kebebasan warga emas. Strategi ketiga memperkasa penyertaan ekonomi warga emas melalui peluang pekerjaan yang fleksibel, keusahawanan serta perusahaan mikro. Pengalaman, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga emas boleh dimanfaatkan melalui program mentor, latihan dan pemindahan ilmu, sekali gus menyokong pembangunan ekonomi negeri dan memperkukuh pertumbuhan *silver economy*. Strategi keempat menekankan pembelajaran sepanjang hayat serta keterangkuman digital bagi memastikan warga emas terus menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Penyediaan latihan kemahiran digital, akses kepada pendidikan komuniti serta peningkatan literasi digital akan membantu mereka menggunakan perkhidmatan dalam talian, memperoleh maklumat dan meningkatkan keyakinan diri serta kesejahteraan psikologi. Akhir sekali, strategi kelima memfokuskan kepada tadbir urus berasaskan bukti melalui pembangunan Indeks Kesejahteraan Warga Emas Negeri Perlis dan sistem pemantauan yang sistematik. Pengumpulan serta analisis data secara berkala membolehkan keberkesanan dasar dan program dinilai secara empirikal, seterusnya menyokong penambahbaikan berterusan berdasarkan keperluan sebenar warga emas.

KESIMPULAN

Walaupun pelbagai dasar dan program telah dilaksanakan di peringkat nasional dan negeri, keberkesanannya bergantung kepada tahap capaian, penyertaan dan penglibatan aktif warga emas. Cabaran seperti peningkatan masalah kesihatan, pengasingan sosial, diskriminasi berasaskan umur, kekangan mobiliti serta akses yang terhad kepada perkhidmatan dan kemudahan masih memerlukan perhatian. Di samping itu, aspek pembelajaran sepanjang hayat, kesejahteraan psikologi, sokongan kerohanian dan persekitaran mesra warga emas perlu terus diperkukuh. Oleh itu, usaha memperkukuh kesejahteraan warga emas memerlukan pendekatan yang bersepadu merentas pelbagai sektor dan pihak berkepentingan bagi memastikan mereka terus menikmati manfaat pembangunan serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi Negeri Perlis.

RUJUKAN

- Abud, T., Kounidas, G., Martin, K. R., Werth, M., Cooper, K., & Myint, P. K. (2022). Determinants of healthy ageing: A systematic review of contemporary literature. *Aging Clinical and Experimental Research*, 34(6), 1215–1223. <https://doi.org/10.1007/s40520-021-02049-w>
- Aidanajwa, S. (2023). *Active ageing, spirituality and quality of life: Implications on the design of elderly residential care facilities in Malaysia* (Doctoral thesis, Universiti Utara Malaysia).
- Awang, S. N., Nordin, N. A., Zainol, R., Ahmad, F., & Razali, A. (2025). Mendepani cabaran negara menua dan warga emas aktif: Satu alternatif. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 20(1), 28–41.

- Abdullah, J. M., Ismail, A., & Yusoff, M. S. B. (2024). Healthy ageing in Malaysia by 2030: Needs, challenges and future directions. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 31(4), 1–13. <https://doi.org/10.21315/mjms2024.31.4.1>
- Balboni, T. A., Vanderwerker, L. C., Block, S. D., Paulk, M. C., Lathan, C. S., Peteet, J. R., & Prigerson, H. G. (2007). Religiousness and spiritual support among advanced cancer patients and associations with end-of-life treatment preferences and quality of life. *Journal of Clinical Oncology*, 25(5), 555–560. <https://doi.org/10.1200/JCO.2006.07.9046>
- Boulton-Lewis, G. M., Buys, L., & Lovie-Kitchin, J. (2006). Learning and active aging. *Educational Gerontology*, 32(4), 271–282.
- Crowther, M. R., Parker, M. W., Achenbaum, W. A., Larimore, W. L., & Koenig, H. G. (2007). Rowe and Kahn's model of successful aging revisited: Positive spirituality—The forgotten factor. *The Gerontologist*, 42(5), 613–620. <https://doi.org/10.1093/geront/42.5.613>
- Department of Statistics Malaysia. (2025). *Unjuran penduduk, Malaysia, 2020–2060*. https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20250711152840.pdf
- Dommaraju, P., & Wong, S. (2021). The concept of productive aging. In C. R. Martin, V. R. Preedy, & R. Rajendram (Eds.), *Assessments, treatments and modeling in aging and neurological disease* (pp. 3–11). Academic Press.
- Edwards P. (2002). *Active Ageing: A Policy Framework*. Geneva: World Health Organization.
- Global Access Partners Pty Ltd. (2020). *Building back better: A post-COVID outlook and opportunities for our mature-aged workforce: Proceedings and recommendations*. https://globalaccesspartners.org/ProductiveAgeing_GAPRoundtableReport_June2020.pdf
- Hassan, M. M. (2024). *Penuaan masyarakat: Realiti dan cabaran*. https://myageing.upm.edu.my/upload/dokumen/penerbitan/20240904173021penuaan_masyarakat_realiti_dan_cabaran_1.pdf
- Productive aging: Concepts and challenges. Nancy Morrow-Howell, James Hinterlong, and Michael Sherraden (Eds.). (2002). *The Journal of Sociology & Social Welfare*, 29(3), Article 19. <https://scholarworks.wmich.edu/jssw/vol29/iss3/19>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2026). *Pusat Aktiviti Warga Emas*. <https://www.jkm.gov.my/main/article/pusat-aktiviti-warga-emas>
- Morgan, T., & Elder, S. (2025). *Volunteer work among older persons: Trends and policy implications for ageing societies*. United Nations Volunteers and International Labour Organization.
- International Telecommunication Union. (2021). *Ageing in a digital world: From vulnerable to valuable*. <http://handle.itu.int/11.1002/pub/818a937f-en>
- Kim, E. S., Whillans, A. V., Lee, M. T., Chen, Y., & VanderWeele, T. J. (2020). Volunteering and subsequent health and well-being in older adults: An outcome-wide longitudinal approach. *American Journal of Preventive Medicine*, 59(2), 176–186. <https://doi.org/10.1016/j.amepre.2020.03.004>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2016). *Penuaan aktif*. <http://www.myhealth.gov.my/penuaan-aktif/>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2026). *Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026–2030*. https://www.jkm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20251202102826.pdf
- Malone, J., & Dadswell, A. (2018). The role of religion, spirituality and/or belief in positive ageing for older adults. *Geriatrics*, 3(2), 28. <https://doi.org/10.3390/geriatrics3020028>
- Manning, L. K. (2013). Navigating hardships in old age: Exploring the relationship between spirituality and resilience in later life. *Qualitative Health Research*, 23(4), 568–575. <https://doi.org/10.1177/1049732312471730>
- Marzo, R. R., Khanal, P., Shrestha, S., Mohan, D., Myint, P. K., & Su, T. T. (2023). Determinants of active aging and quality of life among older adults: Systematic review. *Frontiers in Public Health*, 11, 1193789. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2023.1193789>

- Menassa, M., Stronks, K., Khatami, F., Roa Díaz, Z. M., Pano Espinola, O., Gamba, M., Itodo, O. A., Buttia, C., Wehrli, F., Minder, B., Rivas Velarde, M., & Franco, O. H. (2023). Concepts and definitions of healthy ageing: A systematic review and synthesis of theoretical models. *eClinicalMedicine*, 56, 101821. <https://doi.org/10.1016/j.eclinm.2022.101821>
- Park, C. L. (2007). Religiousness/spirituality and health: A meaning systems perspective. *Journal of Behavioral Medicine*, 30(4), 319–328. <https://doi.org/10.1007/s10865-007-9111-x>
- Periasamy, M. (2026). *The silver lining in Malaysia's ageing population*. Aliran. <https://aliran.com/thinking-allowed-online/the-silver-lining-in-malysias-ageing-population>
- Ramely, A., Ahmad, Y., & Harith, N. H. M. (2022). The effects of Malaysian older people's participation and engagement in the local labour market. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7.e001685.10.47405/mjssh.v7i7.1685.
- Rote, S., Hill, T. D., & Ellison, C. G. (2012). Religious attendance and loneliness in later life. *The Gerontologist*, 53(1), 39–50. <https://doi.org/10.1093/geront/gns063>
- Sadler, E., & Biggs, S. (2006). Exploring the links between spirituality and successful ageing. *Journal of Social Work Practice*, 20(3), 267–280. <https://doi.org/10.1080/02650530600931857>
- Troutman-Jordan, M., & Staples, J. (2014). Successful aging from the viewpoint of older adults. *Research and Theory for Nursing Practice*, 28(1), 87–104. <https://doi.org/10.1891/1541-6577.28.1.87>
- United Nations. (2023). *World social report 2023: Leaving no one behind in an ageing world*. United Nations. https://www.un.org/development/desa/dspd/wp-content/uploads/sites/22/2023/01/WSR_2023_Chapter_Key_Messages.pdf
- World Health Organization. (2015). *World report on ageing and health*. <https://iris.who.int/handle/10665/186463>
- World Health Organization. (2024). *WHO Global Health Observatory: Life expectancy and healthy life expectancy*. <https://www.who.int/data/gho/data/themes/mortality-and-global-health-estimates/ghe-life-expectancy-and-healthy-lifeexpectancy>
- World Health Organization. (2023). *National programmes for age-friendly cities and communities: A guide*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789240068698>

